# SENARAI ASET AGENSI PENGUATKUASAAN MARITIM MALAYSIA

| KELAS NGPC | |
|---|---|
|  | **<u>Sejarah Kapal</u>**<br><br>Pembinaan kapal ronda generasi baharu (NGPC) APMM adalah dibina oleh syarikat tempatan Destination Marine Services Sdn Bhd (DMS) untuk menggantikan kelas SIPADAN yang diterima oleh APMM daripada Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) seawal penubuhan APMM. Kapal Pertama kelas NGPC iaitu KM Bagan Datuk telah dilancarkan pada 15 Mac 2017. Ini juga adalah kelas kapal pertama yang dilengkapkan dengan sistem UAV Fulmar dari model Thales yang mana kru kapal boleh membuat pengawasan udara dari dicerobohi sejauh 80 batu nautika secara kawalan jarak jauh selama lapan jam. |
| **KELAS PERWIRA** | |
|  | **<u>Sejarah Kapal</u>**<br><br>APMM secara rasmi menerima kapal ronda Kelas Perwira daripada kerajaan Australia pada 27 Februari 2015 untuk meningkatkan tahap keselamatan maritim negara, terutama di Selat Melaka. Kapal ini telah disumbangkan oleh Australia bagi membantu APMM menangani kegiatan penyeludupan manusia, termasuk mereka yang memasuki secara haram ke Australia menggunakan jalan laut. |
| **KELAS GEMIA** | |
|  | **<u>Sejarah Kapal</u>**<br><br>Kelas Gemia telah mula digunakan di dalam perkhidmatan Polis Diraja Malaysia pada awal tahun 1981. |
| **KELAS ADAL** | |
|  | **<u>Sejarah Bot</u>**<br><br>Bot Kelas ADAL adalah bot pemintas. Ditugaskan untuk operasi yang telah diperuntukkan kepada Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) oleh ESSCOM di Wilayah Sabah. Sebanyak 4 buah dan 2 buah Pasukan Tindakan Khas APMM. Bot-bot ini telah diserahkan secara berperingkat-peringkat mulai bulan Disember 2015 hingga Februari 2016. |

| KELAS HALILINTAR | |
|---|---|
|  | **<u>Sejarah Bot</u>**<br><br>Bot Kelas HALILINTAR telah dibina di Kay Marine Kuala Terengganu bermula bulan April 2013 sebanyak 9 buah. Ditugaskan untuk mengawal perairan Sabah di bawah ESSCOM. Pada 18 Jun 2014, bot kelas ini telah diserahkan kepada Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM). |
| **KELAS AGUSTA** | |
|  | **<u>Sejarah Pesawat</u>**<br><br>Kelas Helikopter Agusta dibina oleh Agusta Westland, sebuah syarikat yang berpusat di Rome, Italy. APMM telah membuat tempahan sebanyak 3 buah pesawat jenis ini untuk digunakan untuk gerakan mencari dan menyelamat (SAR), rondaan udara dan tugas-tugas penguatkuasaan undang-undang. Penyerahan Agusta telah dilakukan pada 10 Disember 2010. |
| **KELAS BANGGI** | |
|  | **<u>Sejarah Bot</u>**<br><br>Bot Kelas BANGGI adalah bot pemintas. Ditugaskan untuk operasi yang telah diperuntukkan kepada Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) oleh ESSCOM di Wilayah Sabah. Sebanyak 18 buah bot telah diserahkan secara berperingkat-peringkat mulai awal tahun 2016 hingga bulan Mei 2016. |
| **KELAS CENDERAWASIH** | |
|  | **<u>Sejarah Bot</u>**<br><br>Bot Kelas CENDERAWASIH adalah bot laju. Ditugaskan untuk operasi yang telah diperuntukkan kepada Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) oleh ESSCOM di Wilayah Sabah. Sebanyak 5 buah bot telah diserahkan secara berperingkat-peringkat mulai bulan Disember 2015 hingga Mac 2016. |
| **KELAS SEAHAWK** | |
|  | **<u>Sejarah Bot</u>**<br><br>Bot Kelas SEAHAWK adalah bot laju. Ditugaskan untuk operasi yang telah diperuntukkan kepada Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) oleh ESSCOM di Wilayah Sabah. Sebanyak sebuah bot telah diserahkan pada Disember 2015. Perjawatan krew bot menggunakan perjawatan sedia ada di daerah masing-masing. |